



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersama Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat tangan M. Manogaran dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan di Yayasan Al-Bukhary di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Um - 5/1/2019 m/s: 3

Gabungan PH kuat, tiada perpecahan

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Pakatan Harapan (PH) kini berada dalam keadaan kuat sekali gus menafikan berlakunya perpecahan ekoran timbulnya beberapa isu yang dilihat menjejaskan hubungan antara parti dalam gabungan politik itu.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat Majlis Presiden PH yang dihadiri oleh kepimpinan utama setiap parti juga berjalan dengan lancar dan tenang tanpa terlalu beremosi.

“Mesyuarat telah bincang panjang lebar berkenaan situasi politik dalam negara dan mesyuarat diadakan dalam keadaan tenang. Tiada perpecahan dalam kalangan kita, semua rundingan seperti sebuah paka-

tan yang boleh bekerjasama.

“Ramai berpendapat pakatan ini lemah, ia tidak lemah, kita semua kuat, dalam Kabinet kita boleh bekerjasama, dalam Mesyuarat PH pun kita boleh bincang tanpa terlalu emosi, tiada perkataan kasar.

“Jadi saya fikir pakatan ini berfungsi, ada yang kata pakatan ini lemah, tetapi tidak lemah dan kami berpandangan yang sama dalam kebanyakan isu dibincangkan,” katanya yang juga Pengerusi PH dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden PH di sini hari ini.

Dalam sidang akhbar tersebut, bekas calon DAP bagi kerusi Parlimen Cameron Highlands dalam Pilihan Raya Umum

Ke-14 lalu, M. Manogaran diumumkan sebagai calon PH bagi bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen tersebut pada 26 Januari ini.

Jelas Dr. Mahathir, beliau yakin PH akan memenangi pilihan raya tersebut dan merampasnya daripada BN walaupun bakal menerima tentangan.

“Kita telah tentukan siapa yang akan bertanding dalam PRK Cameron Highlands, calonnya ialah Manogaran iaitu calon lama yang bertanding di situ pada PRU-14.

“Kita akan menang dalam PRK ini, insya-Allah kita akan menang, kita tidak tahu siapa yang hendak bersaing dengan kita, dengar cerita macam-macam, tetapi siapapun yang

bertanding kita percaya kita dapat mengatasinya,” katanya.

PRK Parlimen Cameron Highlands diadakan selepas Mahkamah Pilihan Raya mengisytiharkan keputusan PRU-14 bagi Parlimen tersebut terbatal.

Keputusan itu susulan petisyen difailkan Manogaran yang memohon perisytiharan keputusan kerusi Parlimen tersebut yang disandang Datuk C. Sivaraajh daripada Barisan Nasional (BN) terbatal kerana melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Pada PRU-14, Sivaraajh memenangi kerusi Parlimen Cameron Highlands dengan memperoleh 10,307 undi menewaskan empat calon lain termasuk Manogaran yang memperoleh 9,710 undi.